



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-35**

**Transformasi Pengurusan ISO: Sistem Pengurusan Audit Dalam**

**Tujuan**

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai Transformasi Pengurusan ISO: Sistem Pengurusan Audit Dalam.

**Latar Belakang**

2. Setiap tahun UPM melaksanakan audit dalaman yang merupakan keperluan dalam standard ISO (MS ISO 9001, MS ISO/IEC 27001 dan MS ISO 14001). Bermula dari pelaksanaan satu pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) UPM pada tahun 2011, pelaksanaan audit dalaman diurus secara berpusat di bawah urus setia ISO UPM (Pejabat Pendaftar pada ketika itu) dilaksanakan secara manual (*hardcopy*).

3. Proses pengurusan audit dalaman bermula daripada proses penetapan jadual, pemilihan juruaudit, penawaran dan penerimaan bertugas juruaudit, daftar penemuan audit iaitu laporan ketakakuran (NCR) dan peluang penambahbaikan (NCR), pengumpulan nota audit, pengumpulan penemuan audit, penyelarasan penemuan audit, laporan penemuan audit, statistik penemuan audit, maklumbalas tindakan penemuan audit, penutupan penemuan audit dan pemantauan pelaksanaan tindakan bagi penutupan penemuan audit.

4. Bermula tahun 2013, proses merekod penemuan audit yang sebelum ini dilaksanakan secara *hardcopy* telah ditambahbaik dengan penggunaan Daftar Penemuan Audit secara *softcopy* (dalam format excell). Melalui penambahbaikan ini, dapat memudahkan proses daftar penemuan audit manakala proses lain masih

dilaksanakan secara manual. Pengurusan audit dalaman ini masih diteruskan pelaksanaan sehingga tahun 2015.

5. Pada tahun 2016, sekali lagi penambahbaikan telah dibuat iaitu proses merekod penemuan audit dilaksanakan secara *online* menggunakan aplikasi *google forms*. Melalui kaedah ini, dapat memudahkan proses merekod penemuan audit dan penyelarasan penemuan audit. Manakala proses-proses lain masih dilaksanakan secara manual.

### **Transformasi Pengurusan Audit Dalaman UPM**

6. Transformasi pengurusan audit dalaman UPM perlu dilaksanakan memandangkan bebanan tugas dan tanggungjawab semakin bertambah dengan pengurusan audit dalaman bagi tiga (3) Sistem Pengurusan ISO iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

7. Sehubungan itu, usaha ke arah melaksanakan pengurusan audit dalaman secara *online* bagi semua proses yang terlibat telah bermula pada bulan September 2016 dimulai dengan pengenalan keperluan pengguna diperingkat Pusat Jaminan Kualiti (CQA) (merupakan Urus Setia ISO UPM). Seterusnya, fasa pembangunan sistem audit dalaman bermula pada bulan Disember 2016. Dengan usahasama mantap antara Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dan CQA, maka sistem pengurusan audit dalaman ini (di bawah portal CQA) telah siap dalam tempoh enam (6) bulan yang mula digunakan pertama kali semasa Audit Dalaman ISMS pada bulan Jun 2017, diikuti dengan audit dalaman EMS dan seterusnya audit dalaman QMS.

8. Sistem ini mempunyai tiga (3) Fasa pengurusan audit dengan beberapa modul di bawahnya, iaitu:

#### **8.1 Pra Audit**

Modul yang terlibat di bawah pra audit adalah:

- (a) penetapan kumpulan audit (Kumpulan, subkumpulan, senarai juruaudit dan jawatan utama audit);

- (b) penetapan jadual (tarikh dan PTJ yang diaudit);
- (c) tawaran Juruaudit (cetak dan muatturun surat tawaran bertugas, muat turun dan muat naik Borang Kelulusan/Kebenaran Bertugas, penerimaan dan penolakan bertugas, paparan senarai juruaudit bertugas).

## 8.2 Proses Audit

Modul yang terlibat di bawah proses audit adalah:

- (a) kehadiran bertugas (paparan senarai kehadiran juruaudit dalaman yang bertugas mengikut kumpulan dan subkumpulan);
- (b) borang kehadiran (daftar kehadiran bertugas Juruaudit pada tarikh mengaudit sebagai rekod kehadiran iaitu hadir, hadir lewat dengan justifikasi atau tidak hadir).
- (c) daftar penemuan NCR dan OFI (daftar, kemaskini dan hapus penemuan audit);
- (d) nota audit (muatnaik nota mengikut PTJ yang diaudit);
- (e) laporan penemuan
  - i. paparan senarai penemuan audit individu, paparan subkumpulan, paparan kumpulan dan paparan keseluruhan – bagi peranan juruaudit;
  - ii. paparan perincian penemuan audit NCR dan OFI – bagi peranan PTJ dan staf.
- (f) statistik penemuan (Graf mengikut PTJ, klausa dan proses).

## 8.3 Pasca Audit

Modul yang terlibat di bawah proses audit adalah:

- (a) maklumbalas pelan tindakan (PTJ memasukkan cadangan tarikh penutupan, pembetulan, punca penyebab dan tindakan pembetulan);
- (b) pelaksanaan pelan tindakan (PTJ muatnaik bukti tindakan pembetulan dilaksanakan dan memasukkan tarikh pelaksanaan tindakan);
- (c) input penutupan penemuan audit (Juruaudit membuat pengesahan penutupan penemuan audit sama ada ditutup

beserta tarikh penutupan, belum tutup dengan justifikasi beserta tarikh semakan semula, dan belum tutup pusingan beserta tarikh baharu tindakan);

(d) laporan penutupan penemuan audit:

- i. paparan jadual penutupan audit yang merangkumi senarai PTJ, bilangan penemuan audit yang diterima, gugur, tindakan PTJ, tindakan Peneraju Proses, dan status penutupan penemuan audit ditutup mengikut tempoh, melebihi tempoh, belum tutup melebihi tempoh, belum tutup tempoh pusingan;
- ii. paparan peratus penutupan penemuan audit (peratus tutup, peratus belum tutup melebihi tempoh, peratus belum tutup ikut pusingan).

(e) statistik penutupan penemuan audit (paparan graf penemuan audit mengikut PTJ dan jadual penutupan audit beserta peratus penghantaran bukti tindakan).

## **Syor**

9. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM, Universiti Putra Malaysia dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) mengambil maklum transformasi pengurusan audit dalaman UPM pada tahun 2017;
- (b) mengambil perhatian dan tindakan menggunakan sistem pengurusan audit dalaman (portal CQA) ke atas maklum balas tindakan penemuan audit dalaman PTJ yang direkodkan.